

Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1998 dan Prospek Bagi Tahun 1999

Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1998

Tinjauan Keseluruhan

Prestasi ekonomi Malaysia dalam tahun 1998, sepertimana dengan ekonomi-ekonomi Asia Timur yang lain, telah menghadapi masalah tekanan deflasi krisis kewangan yang melanda rantau ini semenjak pertengahan 1997. Permintaan dalam negeri telah berkurangan kesan daripada pelbagai faktor. Ini termasuk hakisan kekayaan sektor swasta akibat dari kejatuhan harga saham dan nilai aset, kadar faedah yang tinggi sebelum September 1998, kesukaran awal yang dialami oleh sektor swasta dalam memperolehi kredit bank, keadaan mudahtunai yang ketat dan juga ketidakpastian prospek jangka pendek ekonomi dan pekerjaan. Pada masa yang sama, ekonomi rakan dagangan utama Malaysia, terutama di Asia Timur, juga mengalami pertumbuhan ekonomi yang ketara lebih perlahan atau penguncupan. Ini telah menjejaskan permintaan luar negeri bagi eksport Malaysia.

Dengan penguncupan permintaan agregat, pengeluaran sektor pembinaan dan perkilangan merosot manakala sektor perkhidmatan berkembang secara lebih perlahan. Bagi sektor pertanian dan perlombongan, meskipun secara am mendapat keuntungan daripada harga eksport yang tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit, pengeluaran daripada kedua-dua sektor ini juga menguncup. Walau bagaimanapun, ini adalah diakibatkan sebahagian besarnya oleh kekangan penawaran. Oleh itu, dalam tahun 1998, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar Malaysia menguncup bagi kali pertama semenjak tahun 1985. Penguncupan ini begitu ketara dan belum pernah dialami, iaitu sebanyak 2.8% dalam suku tahun pertama dan 6.8% dalam suku tahun kedua. Walau bagaimanapun, berikutan langkah-langkah

'counter-cyclical' yang telah diambil oleh Kerajaan dalam separuh kedua tahun 1998, termasuk pelaksanaan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, kelonggaran dasar kewangan dan dorongan fiskal bagi menggiatkan ekonomi, dan juga pengenalan kawalan modal secara terpilih untuk melindungi ekonomi daripada kesan penularan krisis kewangan global, kadar penguncupan KDNK benar dijangka lebih reda dalam suku tahun keempat tahun 1998. Kesannya, **pertumbuhan KDNK benar** secara keseluruhannya dijangka akan menguncup sebanyak 4.8%, iaitu perbezaan 12.5 mata peratusan apabila dibandingkan dengan pertumbuhan 7.7% yang dicapai pada tahun 1997. Dalam harga semasa, pertumbuhan KDNK dianggarkan pada kadar 1.6% kepada RM279.8 bilion, iaitu pertumbuhan yang ketara perlahan berbanding pertumbuhan 10.4% yang dicatatkan dalam tahun 1997.

Keluaran Negara Kasar (KNK) pada harga semasa, yang mencerminkan pendapatan negara, dianggarkan meningkat sedikit sebanyak 0.4% kepada RM262.1 bilion dalam tahun 1998. Ini adalah lebih rendah daripada peningkatan sebanyak 9.8% dalam tahun 1997, sebahagiannya disebabkan bayaran pendapatan pelaburan yang lebih tinggi khususnya bayaran faedah ke luar negeri. Dengan penduduk dijangka meningkat sebanyak 2.4%, **KNK per kapita**, dianggarkan berkurangan sebanyak 1.9% kepada RM11,817 (AS\$3,013) dalam tahun 1998, berbanding dengan RM12,051 (AS\$4,284) pada tahun 1997. Dari segi **pariti kuasa pembelian**, pendapatan per kapita dianggarkan berkurangan sebanyak 31.9% kepada AS\$8,196 dalam tahun 1998, berbanding dengan AS\$12,043 dalam tahun 1997. Pengurangan yang ketara ini mencerminkan kesan kadar pertukaran

ringgit yang lemah dan juga kadar inflasi dalam negeri yang lebih tinggi.

Aktiviti ekonomi yang berkurangan dan pendapatan bolehguna benar yang lebih rendah, bagaimanapun, telah membawa kepada pengurangan yang ketara bagi permintaan barangan import. Dengan jumlah barangan import berkurangan secara mendadak berbanding peningkatan sedikit jumlah eksport, akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan lebihan luar biasa sebanyak RM15 bilion dalam separuh pertama tahun 1998, iaitu lebihan pertama kali sejak tahun 1989. Bagi keseluruhan tahun 1998, adalah dianggarkan lebihan sekurang-kurangnya RM20 bilion (7.7% daripada KNK) dapat dicapai. Ini adalah perkembangan yang menggalakkan apabila dibandingkan dengan defisit sebanyak RM14.1 bilion (5.4% daripada KNK) pada tahun 1997. Kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit dalam tahun 1998, defisit yang pertama kali sejak tahun 1993. Sebahagiannya, ini adalah disebabkan oleh kutipan hasil yang berkurangan terutama cukai tidak langsung, ekoran aktiviti ekonomi yang lembap. Pada masa yang sama, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi dalam tahun 1998 bagi mencergaskan ekonomi dan mengelakkannya dari terjerumus dalam kemelesetan yang berpanjangan.

Pengeluaran Mengikut Sektor

Pengeluaran sektor utama ekonomi terjejas oleh permintaan yang berkurangan, penawaran yang berlebihan atau kekangan penawaran. Ekoran daripada ini, pengeluaran sektor utama dan sekunder merosot manakala nilai ditambah sektor perkhidmatan meningkat pada kadar yang ketara lebih perlahan.


Sektor perkilangan, yang merupakan penjana utama kepada pertumbuhan KDNK sepanjang dekad yang lepas, dianggarkan mengalami pengurangan pengeluaran sebanyak 5.8% pada tahun 1998 (1997: +12.5%). Ini disebabkan permintaan dalam negeri yang lemah dan pesanan jualan luar negeri yang lembap khususnya dari negara Asia Timur yang dilanda krisis kewangan, serta peningkatan persaingan dalam pasaran global untuk barangan perkilangan yang terjejas oleh pertumbuhan permintaan dunia yang perlahan. **Pengeluaran industri berorientasikan pasaran**

dalam negeri merosot dengan ketara sebanyak 8.8% pada tahun 1998 (1997: +15.4%), manakala pengeluaran industri berorientasikan pasaran eksport menguncup sederhana sebanyak 2.9% (1997: +9.7%). Pengurangan pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang ketara ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan pengeluaran industri berkaitan bahan-bahan binaan seperti industri-industri yang menghasilkan bahan galian bukan logam, gelas dan produk logam asas. Turut mengalami kejatuhan pengeluaran ialah industri-industri kelengkapan pengangkutan yang mengeluarkan kenderaan kereta penumpang dan motosikal serta industri berkaitan produk petroleum. Sebaliknya, industri plastik terus mencatat peningkatan pengeluaran pada kadar dua angka, hasil daripada permintaan yang menggalakkan dan pengembangan kapasiti pengeluaran.

Pengeluaran **industri berorientasikan pasaran eksport** telah berkurangan secara sederhana pada tahun 1998. Lebihan bekalan dunia bersamaan kelembapan permintaan khususnya dari Asia Timur telah mendorong industri-industri yang menghasilkan keluaran separa konduktor, wayar dan kabel, tekstil, kasut dan keluaran kayu mengurangkan pengeluaran mereka. Walau bagaimanapun, beberapa industri berorientasikan pasaran eksport yang menghasilkan produk seperti televisyen dan keluaran getah mencatatkan pertambahan pengeluaran pada tahun 1998. Pengeluaran yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan permintaan bagi sarung tangan pembedahan dari Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Memandangkan kadar kejatuhan pengeluaran sektor perkilangan melebihi kadar purata kuncupan ekonomi benar, peratusan sumbangan sektor perkilangan kepada keseluruhan KDNK benar dianggarkan berkurangan kepada 35.4% pada 1998 (1997: 35.7%).

Nilai ditambah **sektor pembinaan** dianggarkan merosot dengan ketara dalam tahun 1998 sebanyak 19.2% (1998: +9.5%), mencerminkan kejatuhan besar dalam aktiviti pembinaan bagi bangunan komersial bertingkat tinggi dan kondominium berharga tinggi berikutan permintaan yang lemah. Bagi hartanah, pembinaan baru unit kediaman berharga tinggi terjejas oleh permintaan yang lemah, manakala pembinaan lot-lot kilang berkurangan akibat kejatuhan pelaburan di sektor perkilangan. Aktiviti pembinaan yang lembap dalam tahun 1998 adalah juga disebabkan siapnya projek-

Carta 1.1
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos).
(kecuali bagi tahun 1998, iaitu pada akhir bulan Mac, Jun dan Ogos)

2/ Malaysia (IHP sehingga September 1998)

projek prasarana utama. Walau bagaimanapun, pembinaan baru rumah kos rendah, sederhana dan apartmen adalah stabil memandangkan permintaan bagi unit-unit kediaman ini terus kukuh disebabkan harganya lebih mampu untuk dimiliki dan kadar faedah pinjaman kekal pada 9% bagi unit kediaman berharga RM100,000 dan ke bawah. Tambahan pula, permulaan pembinaan bagi unit-unit ini disokong oleh kemudahan pinjaman dana sebanyak RM2 bilion dibawah Skim Khas Bagi Rumah Kos Rendah dan Sederhana yang disediakan oleh Kerajaan.

Aktiviti pembinaan yang lemah dalam tahun 1998 boleh juga dikaitkan dengan hakisan kekayaan kewangan penduduk disebabkan oleh harga saham yang rendah, kesulitan mendapatkan pinjaman pembelian dan pembinaan daripada sistem perbankan dan kadar faedah yang tinggi, yang mana telah menjejaskan permintaan dan penawaran baru hartanah. Mencerminkan keadaan permintaan yang lembap bagi hartanah, Indeks Harga Rumah Malaysia susut sebanyak 9.3% dalam separuh pertama tahun 1998 berbanding separuh kedua tahun 1997. Namun begitu, langkah-langkah yang diperkenalkan baru-baru ini untuk mengurangkan kadar faedah, mengecualikan pinjaman bagi pembinaan atau pembelian hartanah kediaman berharga RM250,000 dan ke bawah dan juga prasarana daripada had 20% yang dikenakan ke atas pinjaman sektor hartanah serta pemansuhan had margin pembiayaan 60% untuk hartanah berharga lebih tinggi akan memberi dorongan baru kepada sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, memandangkan kemerosotan yang ketara dalam aktiviti pembinaan, sumbangan sektor pembinaan kepada KDNK dianggarkan berkurangan kepada 4.1% (1997: 4.8%).

Pengeluaran **pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan** dianggarkan berkurangan sebanyak 5.9% dalam tahun 1998 (1997: 1.3%). Prestasi yang lemah ini dikaitkan dengan pengeluaran minyak kelapa sawit yang rendah (-8%), memandangkan hasilnya terjejas oleh keadaan cuaca kering yang berpanjangan dan pelawasan pokok. Pengeluaran daripada komoditi pertanian yang lain juga dijangka jatuh, dengan kayu balak merosot sebanyak 15%, getah, 7.3% dan koko, 15.5%. Aktiviti pembalakan yang perlahan mencerminkan permintaan daripada rantau ini yang rendah dan kelembapan dalam industri pembinaan tempatan. Pengeluaran getah asli meneruskan aliran menurun disebabkan harga yang lembap

dan kekangan tenaga buruh, manakala pengeluaran koko telah berkurangan dengan ketaranya disebabkan keadaan cuaca. Ekoran daripada itu, sumbangan sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan kepada keseluruhan KDNK benar dijangka merosot sedikit kepada 11.8% dalam tahun 1998 (1997: 11.9%).

Bagi **sektor perlombongan**, pengeluarannya dianggarkan merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.8% (1997: 1%), sebahagian besarnya disebabkan pengeluaran gas yang lebih rendah (-1%) akibat daripada permintaan yang perlahan daripada Jepun dan Korea Selatan. Kemerosotan pengeluaran sektor ini adalah juga disebabkan penguncupan ketara dalam pengeluaran kuari, disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lembap. Walau bagaimanapun, pengeluaran petroleum mentah dijangka meningkat sedikit sebanyak 0.6% kepada purata 718,300 tong sehari (tsh) dalam tahun 1998 (1997: 714,300 tsh). Pengeluaran timah pula dianggarkan meningkat sebanyak 6.7% dalam tahun 1998, didorong oleh harga eksport yang tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit. Dengan pengeluaran sektor perlombongan kuncup sedikit sahaja, sumbangannya kepada KDNK benar meningkat kepada sebanyak 7.0% dalam tahun 1998 (1997: 6.7%).

Penguncupan ketara dalam pengeluaran sektor utama dan sekunder serta pendapatan bolehguna benar yang lebih rendah telah mengurangkan permintaan untuk perkhidmatan. Dengan ini, nilai ditambah **sektor perkhidmatan** mengalami pertumbuhan yang ketara lebih perlahan sebanyak 2.1% dalam tahun 1998 (1997: +8%). Sektor kecil yang paling terjejas ialah perdagangan borong dan runcit. Nilai ditambahnya dianggarkan berkurangan sebanyak 1.4%. Sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perdagangan juga terjejas oleh pertumbuhan kredit yang lebih perlahan serta aktiviti urusaniaga dan transaksi hartanah yang berkurangan. Oleh itu, nilai ditambahnya dianggarkan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.1% (1997: +9.5%). Nilai ditambah bagi sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan juga dijangka lebih perlahan, iaitu pertumbuhan sebanyak 2.9% (1997: +8.4%) disebabkan jumlah perdagangan luar negeri dan dalam negeri yang menguncup. Perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan juga dijangka berkembang dengan kadar lebih perlahan sebanyak 2.4% (1997: +6.1%). Ini mencerminkan kesan Kerajaan mengawal secara terpilih perbelanjaan mengurus, manakala mengembangkan sektor perkhidmatan awam yang penting seperti

pendidikan dan kesihatan. Bagi sektor kecil elektrik, gas dan air, nilai ditambah terus kukuh, dengan pertumbuhan sebanyak 7.0% (1997: +13%, didorong oleh peningkatan bilangan isirumah dan bangunan.

Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan stok) dijangka berkurangan sebanyak 11.7% kepada RM240.5 bilion pada harga semasa dalam tahun 1998 (1997: +9.6%), akibat daripada penyusutan 15.5% dalam **perbelanjaan sektor swasta** kepada RM177.5 bilion. Walau bagaimanapun, **perbelanjaan sektor awam dianggarkan** meningkat sedikit sebanyak 0.8% kepada RM63 bilion.

Penyusutan perbelanjaan sektor swasta adalah sebahagiannya disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan **penggunaan swasta** sebanyak 5%. Hakisan kekayaan kewangan individu akibat kerugian modal berikutan kejatuhan harga aset, ketidaktentuan peluang pekerjaan, kadar faedah yang tinggi yang telah menarik lebih banyak tabungan di samping tidak menggalakkan penggunaan serta kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian barangan modal, terutamanya dalam tempoh separuh pertama tahun ini, merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada penyusutan penggunaan swasta. Pengurangan penggunaan swasta berlaku terutamanya ke atas barangan tahan lama yang mahal seperti kereta penumpang, motosikal dan peti sejuk kegunaan rumah. Walau bagaimanapun, pengurangan kadar faedah serta pelonggaran pinjaman bagi pembelian kereta penumpang dalam separuh kedua tahun 1998 membantu menghasilkan sedikit sebanyak pemulihan dalam penggunaan swasta sepertimana yang dapat diperhatikan melalui peningkatan jualan kereta penumpang daripada 5,641 unit dalam bulan Februari 1998 kepada 13,658 unit dalam bulan Ogos 1998.

Pelaburan sektor swasta mungkin merosot sebanyak 30.5% dalam tahun 1998 (1997: +11.7%) disebabkan oleh permintaan yang lemah, kos pembiayaan yang tinggi dan mudahtunai yang ketat serta ketidakpastian yang diwujudkan oleh pasaran kewangan yang tidak menentu dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1998. Pelaburan yang rendah ini dicerminkan oleh kemerosotan barangan modal yang diimport dalam nilai ringgit

sebanyak 6.7% (-36.5% dalam AS\$) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Petunjuk-petunjuk pelaburan lain seperti keluaran besi dan keluli serta konkrit campur siap yang merosot masing-masing sebanyak 41.2% dan 31.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 juga mencerminkan kejatuhan ketara pelaburan di sepanjang tahun ini. Sebahagian besar penyusutan pembentukan modal swasta adalah dalam sektor pembinaan, terutamanya projek-projek infrastruktur, bangunan komersial seperti ruang pejabat dan ruangan runcit serta kondominium berharga tinggi.

Permintaan yang lemah dan ketidakpastian yang menyelubungi pasaran kewangan telah juga mempengaruhi sektor perkilangan untuk tidak membuat pelaburan tambahan bagi mengembangkan kapasiti pengeluaran mereka. Ini adalah terutamanya bagi industri yang memenuhi permintaan pasaran dalam negeri seperti yang terlibat dalam pengeluaran bahan-bahan pembinaan dan barangan tahan lama. Sentimen pelaburan sektor perkilangan yang lemah ini dicerminkan oleh **cadangan modal pelaburan yang dipohon** oleh sektor perkilangan bagi pertimbangan MIDA yang merosot sebanyak 46.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: -38.8%). Cadangan modal pelaburan yang dipohon oleh pelabur-pelabur tempatan merosot dengan ketara sebanyak 58.2%, manakala pelabur asing pula merosot sebanyak 30.7%. Begitu juga dengan **cadangan pelaburan yang diluluskan** oleh MIDA yang menyusut sebanyak 7.8% kepada RM15,151 juta. Permohonan pelaburan yang diluluskan kepada pelabur tempatan menyusut sebanyak 2.5% kepada RM9,391 juta, manakala pelabur asing pula berkurangan sebanyak 15.2% kepada RM5,760 juta. Sama ada projek-projek yang telah diluluskan ini akan dilaksanakan dengan cepat atau tidak adalah bergantung kepada prospek permintaan dari dalam dan luar negeri. Dasar kewangan yang dilonggarkan dan dorongan fiskal yang dilaksanakan dalam separuh kedua tahun 1998 bagi mencergaskan permintaan dalam negeri seharusnya memberi kesan positif ke atas sentimen pelaburan, terutamanya di kalangan industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri.

Perbelanjaan modal sektor perkhidmatan juga telah dipengaruhi oleh suasana perniagaan yang lebih rumit berikutan tumpuan syarikat-syarikat dalam memperkukuhkan kedudukan aliran tunai mereka akibat permintaan perkhidmatan yang kurang memberangsangkan dan kelambatan

siberhutang menjelaskan hutang dagangan mereka. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal dalam teknologi maklumat yang berkaitan dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah menggalakkan, dengan nilai pelaburan sebanyak RM384.6 juta dijangka dilaburkan dalam tahun 1998. Harga eksport beberapa komoditi pertanian yang lebih baik juga telah meningkatkan pelaburan secara terpilih dalam sektor pertanian, khasnya sektor kelapa sawit. Dalam sektor minyak dan gas pula, pengurangan cukai pendapatan daripada 40% kepada 38% serta kadar duti eksport ke atas petroleum mentah dan kondensate daripada 20% kepada 10% berkuatkuasa 1 Januari 1998 dijangka meningkatkan pelaburan dalam aktiviti penerokaan dan pembangunan dengan ketara. Pelaburan aktiviti hiliran juga dijangka meningkat dengan ketara dalam kedua-dua sektor petroleum dan gas. Pelaburan dalam aktiviti huluan oleh lima buah syarikat minyak utama mencatatkan peningkatan sebanyak 71% kepada RM9,341 juta. Sementara itu, aktiviti hiliran pula mencatatkan peningkatan pelaburan sebanyak 62.2% kepada RM5,024 juta dalam tahun 1998.

Perbelanjaan sektor awam yang merangkumi perbelanjaan penggunaan dan modal Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dianggar mencatatkan kadar peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 0.8% dalam tahun 1998 (1997: 9.6%) kepada RM63 bilion berikutan kekangan sumber sektor awam. Pertumbuhan kecil ini disokong oleh peningkatan perbelanjaan **penggunaan awam** sebanyak 2.3% kepada RM31.4 bilion. Ini terutamanya disebabkan oleh bayaran emolumen Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi bagi membiayai tambahan tenaga kerja berkaitan perkhidmatan penting, terutamanya kesihatan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan berkurangan sedikit daripada tahun 1997, selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan aktiviti yang kurang penting supaya lebih banyak sumber dapat digemblengkan bagi membiayai perbelanjaan aktiviti yang lebih utama.

Pelaburan sektor awam pula berkurangan sedikit pada anggaran sebanyak 0.8% kepada RM31.6 bilion dalam tahun 1998, iaitu setelah meningkat sebanyak 11.9% dalam tahun 1997. Ini disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan

Negeri dan Badan-badan Berkanun yang lebih kecil. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah tinggi dalam tahun 1998, sebahagian daripada perbelanjaan ini adalah bukan untuk perbelanjaan modal tetapi bagi pembiayaan tanggungan di luar belanjawan seperti Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Perbadanan Pembangunan Multimedia. Jumlah perbelanjaan modal PABK meningkat sebanyak 6.7% dalam tahun 1998, disebabkan terutamanya oleh pelaburan tambahan PETRONAS dan Syarikat Telekom Malaysia. Namun demikian, ia adalah lebih rendah daripada peningkatan sebanyak 10.9% dalam tahun 1997, disebabkan perlunya mengukuhkan kedudukan kewangan memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Permintaan Luar Negeri

Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor (tidak termasuk pendapatan pelaburan) dijangka meningkat sebanyak 26.5% kepada RM330.4 bilion pada tahun 1998 (1997: 13.7%). Peningkatan pendapatan eksport yang ketara ini disebabkan oleh harga eksport yang tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit memandangkan 76.2% daripada eksport Malaysia diurusniagakan dalam dolar AS. **Eksport dagangan** meningkat sebanyak 28.1% kepada RM280.2 bilion pada tahun 1998, didorong oleh peningkatan ketara eksport barangan perkilangan dan komoditi pertanian. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pendapatan eksport barangan perkilangan meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 43.6% kepada RM133.3 bilion (Januari-Julai 1997: 1.6%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang kukuh bagi besi, keluli dan keluaran logam (73.8%), peralatan pengangkutan (56.5%) serta keluaran elektrik dan elektronik (46%). Peningkatan ketara eksport keluaran industri berorientasikan pasaran tempatan seperti besi, keluli dan keluaran logam serta peralatan pengangkutan disebabkan oleh langkah-langkah yang telah diambil oleh industri ini untuk menerokai pasaran luar negeri berikutan permintaan dalam negeri yang lemah. Pendapatan eksport komoditi pertanian utama juga meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 36.9% kepada RM15 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 0.9%). Ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan eksport yang tinggi bagi minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa

sawit, koko dan lada hitam berikutan harga yang menggalakkan. Pada masa yang sama, eksport perlombongan meningkat sebanyak 25% kepada RM9.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997 : 12.5%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan eksport gas asli cecair yang kukuh. **Eksport perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat sebanyak 18.1% kepada RM50.2 bilion pada tahun 1998, terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan yang berkaitan dengan fret dan insurans, pengangkutan udara, perjalanan serta perkhidmatan kontrak dan profesional.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor (tidak termasuk pendapatan pelaburan) meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 12.5% kepada RM289.5 bilion pada tahun 1998 (1997: 13.3%), walaupun harga import meningkat berikutan penyusutan nilai ringgit. Peningkatan import yang lebih perlahan ini sebahagiannya disebabkan oleh pengurangan kuantiti import berikutan penguncupan permintaan dalam negeri. Selain itu, peningkatan yang perlahan ini juga menggambarkan kesan daripada langkah-langkah yang telah diambil untuk menggantikan import seperti import jentera berat diganti dengan jentera berat terpakai yang dibaikpulih serta pengurangan import perkhidmatan seperti pendidikan tinggi melalui peningkatan kemudahan pendidikan dalam negeri. **Import dagangan** dianggarkan meningkat sebanyak 14.5% kepada RM237.5 bilion pada tahun 1998 (1997: 13.3%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan import barangan perantaraan yang ketara dalam nilai ringgit. Namun begitu, import barangan penggunaan dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan, manakala import barangan modal dijangka berkurangan. **Import perkhidmatan bukan faktor** dianggarkan meningkat sebanyak 3.8% kepada RM52 bilion, berikutan peningkatan sederhana bagi bayaran ke atas fret dan insurans, perkhidmatan pengangkutan udara serta perkhidmatan kontrak dan profesional. Walau bagaimanapun, aliran keluar perkhidmatan yang berkaitan dengan perjalanan berkurangan, disebabkan bilangan rakyat Malaysia yang melancong dan belajar di luar negeri semakin berkurangan berikutan penyusutan nilai ringgit, hakisan kekayaan individu akibat kejatuhan harga aset serta pendapatan bolehguna benar yang rendah.

Memandangkan eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor melebihi import barangan dan perkhidmatan bukan faktor, **sektor luar negeri** dijangka memberi kesan pengembangan yang lebih besar ke atas KDNK nominal, sebanyak RM41 bilion atau 14.6% daripada KDNK pada tahun 1998 berbanding dengan hanya 1.4% daripada KDNK pada tahun 1997.

Imbangan Pembayaran

Berikutan eksport dagangan meningkat dengan lebih ketara berbanding dengan import dagangan, **akaun dagangan** imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang besar, iaitu sebanyak RM42.7 bilion pada tahun 1998 (1997: RM11.3 bilion). Namun begitu, **akaun perkhidmatan** dijangka terus mencatatkan defisit yang besar, iaitu sebanyak RM19.5 bilion pada tahun 1998 (1997: -RM21.8 bilion). Defisit akaun perkhidmatan ini terutamanya disebabkan oleh aliran keluar bersih yang besar bagi pendapatan pelaburan (-RM16.1 bilion), fret dan insurans (-RM9.7 bilion) dan perkhidmatan lain seperti perkhidmatan kontrak dan profesional (-RM0.8 bilion). Walau bagaimanapun, akaun perjalanan dijangka mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM5.3 bilion pada tahun 1998, sebahagiannya disebabkan oleh penganjuran Sukan Komanwel dan juga bilangan rakyat Malaysia melancong dan belajar di luar negeri yang semakin berkurangan. Selain itu, aliran masuk bersih pengangkutan selain daripada fret seperti pengangkutan penumpang udara dianggarkan sebanyak RM2 bilion pada tahun 1998. Selepas mengambil kira bayaran pindahan bersih sebanyak RM3.2 bilion, terutamanya oleh penghantaran keluar wang oleh pekerja asing ke negara asal mereka, **akaun semasa** dianggarkan mencatat lebihan sekurang-kurangnya RM20 bilion atau 7.7% daripada KNK pada tahun 1998. Ini merupakan perubahan yang ketara berbanding dengan defisit sebanyak RM14.2 bilion (5.4% daripada KNK) yang dicatatkan pada tahun 1997.

Akaun modal jangka panjang imbangan pembayaran dijangka mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM13.9 bilion pada tahun 1998, terutamanya disebabkan aliran masuk bersih modal rasmi jangka panjang yang kecil sebanyak RM1.6 bilion dan aliran masuk bersih pelaburan asing langsung yang lebih rendah sedikit, iaitu sebanyak

RM12.2 bilion. Justeru, **akaun asas** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih sebanyak RM33.9 bilion pada tahun 1998 (1997: RM4.9 bilion). Selepas mengambil kira aliran keluar bersih modal jangka pendek sebanyak RM31.8 bilion dan keuntungan penilaian semula pertukaran asing berikutan penyusutan nilai ringgit sebanyak RM24.6 bilion, **imbangan keseluruhan** mencatatkan lebih sebanyak RM26.8 bilion. Oleh itu, jumlah rizab bersih luar negeri yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia pada akhir tahun 1998 dijangka meningkat kepada RM85.9 bilion atau AS\$22.6 bilion, mampu untuk membiayai 4.4 bulan import tertangguh.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Selepas lima tahun berturut-turut mencatatkan lebih fiskal yang kukuh semenjak tahun 1993, kedudukan keseluruhan kewangan **Kerajaan Persekutuan** pada tahun 1998 mencatatkan defisit. Ini menggambarkan kesan dari aktiviti ekonomi yang lemah ke atas kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dan peningkatan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi merangsang ekonomi daripada terperangkap dalam kemelesetan yang berpanjangan. Jumlah kutipan **hasil** Kerajaan Persekutuan dianggarkan merosot 16.2% kepada RM55,054 juta (1997: RM65,736 juta), terutamanya disebabkan oleh penurunan besar dalam kutipan hasil cukai tidak langsung sebanyak 34% dan juga penurunan sebanyak 8.4% dalam kutipan cukai langsung. Penurunan kutipan cukai tidak langsung adalah disebabkan oleh penurunan yang ketara oleh kutipan duti eksport, eksais, import dan kutipan cukai jualan. Dalam kes cukai langsung pula, cukai pendapatan, yang menyumbang 94.2% dari jumlah kutipan cukai langsung, berkurangan sebanyak 3.3%. Penurunan dalam cukai pendapatan adalah kerana jangkaan kutipan cukai korporat mengalami kejatuhan sebanyak 4.1% dan kutipan cukai pendapatan individu mengalami kejatuhan sebanyak 5.4%. **Perbelanjaan mengurus** dianggarkan meningkat sebanyak 4.2% kepada RM46,563 juta, terutamanya disebabkan peningkatan dalam bayaran khidmat hutang akibat dari susutnilai matawang ringgit. Oleh itu, **akaun semasa** Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatatkan lebih yang lebih rendah iaitu RM8,491 juta atau 3.2% dari KNK dalam tahun 1998 (1997: RM21,071 juta atau 8.1% dari KNK).

Sebagai satu usaha untuk memulihkan ekonomi, Kerajaan Persekutuan mengubahsuai dasar fiskal dengan meningkatkan **perbelanjaan**

pembangunan kasar pada kadar 23% dalam tahun 1998 kepada RM19,378 juta. Peruntukan ini termasuk tambahan RM1,000 juta yang telah diperuntukkan bagi projek kesejahteraan sosial untuk menangani dan membenteras kesan krisis ekonomi keatas golongan berpendapatan rendah. Walaubagaimanapun, beberapa peruntukan perbelanjaan ini adalah untuk tujuan perbelanjaan luar belanjawan selari dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Peruntukan luar belanjawan ini merangkumi peruntukan untuk Pengurusan Danaharta Nasional Bhd sebanyak RM1,500 juta, dana khas yang ditubuhkan untuk membeli semula hutang tidak berbayar sektor perbankan, dan sebanyak RM654 juta untuk Cyberview. Selepas mengambil kira terimaan balik hutang sebanyak RM1,300 juta, **perbelanjaan pembangunan bersih** Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM18,078 juta dalam tahun 1998. Akibatnya, **kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan** dianggarkan mencatat defisit sebanyak RM9,587 juta atau 3.7% dari KNK dalam tahun 1998 (1997: +RM6,626 juta atau 2.5% dari KNK).

Akibat keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan, kedudukan keseluruhan sektor awam (meliputi PABK dan sektor Kerajaan) akan mencatatkan defisit pada tahun 1998. Kutipan hasil **sektor kerajaan** (meliputi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan-badan berkanun) merosot sebanyak 13.6% kepada RM70,299 juta (1997: RM81,360 juta). Sebaliknya pula, perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 4.8% kepada RM54,497 juta (1997: RM51,983 juta). Oleh itu, **akaun semasa sektor kerajaan** dianggarkan mencatat lebih yang lebih rendah sebanyak RM15,802 juta pada 1998 (1997: RM29,377 juta). Selepas mengambil kira anggaran **lebih mengurus PABK** sebanyak RM26,094 juta (1997: RM25,713 juta), **akaun semasa sektor awam yang disatukan** bagi tahun 1998 dianggarkan sebanyak RM41,896 juta (16.0% dari KNK), iaitu lebih rendah jika dibandingkan dengan lebih yang dicatatkan dalam tahun 1997 iaitu sebanyak RM55,090 juta (21.1% dari KNK).

Sebaliknya, **jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam** dianggarkan meningkatkan sebanyak 17.1% kepada RM44,694 juta, terutamanya disebabkan peningkatan besar dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Akibatnya, **kedudukan akaun keseluruhan sektor awam** dijangka mengalami defisit sebanyak RM2,798 juta (-1.1% dari KNK)

dalam tahun 1998, berbanding dengan lebih RM15,230 juta atau 5.8% dari KNK yang diperolehi dalam tahun 1997.

Kedudukan Sumber Negara

Walaupun pertumbuhan pendapatan negara kasar yang dicerminkan oleh pertumbuhan KNK pada harga semasa dijangka berkurangan dengan ketara daripada 9.8% dalam tahun 1997 kepada 0.4% dalam tahun 1998, kadar pengurangan pertumbuhan **tabungan negara kasar** dianggarkan lebih kecil, iaitu daripada 12.3% dalam tahun 1997 kepada 6.8% dalam tahun 1998. Ini mencerminkan kesan keseluruhan corak perbelanjaan penggunaan yang lebih berhati-hati dalam suasana ketidakpastian ekonomi, kadar faedah tabungan yang lebih tinggi dalam tempoh sebahagian besar tahun ini, pengurangan cukai korporat sebanyak 2 mata peratusan serta inisiatif-inisiatif lain bagi menggalakkan tabungan negara. Oleh demikian, **kadar tabungan negara kasar** sebagai nisbah kepada KNK meningkat daripada 39.4% dari KNK atau RM102.8 bilion dalam tahun 1997 kepada 41.9% dari KNK atau RM109.8 bilion dalam tahun 1998. **Tabungan sektor swasta** yang merangkumi 70% daripada tabungan negara meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 47.8% kepada RM76.8 bilion dalam tahun 1998 (1997:-2.6%). Ini sebahagiannya mencerminkan usaha-usaha untuk meningkatkan semula kekayaan kewangan yang telah terjejas akibat kejatuhan harga aset, terutamanya harga saham, berikutan krisis kewangan serantau. **Tabungan sektor awam** pula merosot dengan ketara sebanyak 35.1% kepada RM33 bilion dalam tahun 1998 (1997: 33%), berikutan lebih akaun semasa yang lebih rendah akibat kejatuhan hasil sektor awam ketika perbelanjaan mengurusnya meningkat.

Dengan tahap **pelaburan negara kasar** merosot dengan ketara sebanyak 23.3% kepada RM89.8 bilion atau 34.2% dari KNK dalam tahun 1998 (1997: +12.7% atau 44.8% dari KNK), **kedudukan sumber negara** yang merupakan perbezaan di antara tabungan dan pelaburan negara kasar dijangka beralih mencatatkan lebih kira-kira RM20 bilion (7.7% dari KNK) dalam tahun 1998, daripada defisit sebanyak RM14.2 bilion (5.4% dari KNK) dalam tahun 1997. Ini mencerminkan terutamanya peralihan positif kedudukan sumber sektor swasta daripada defisit sebanyak RM33.4 bilion (12.8% dari KNK) dalam tahun 1997 kepada


lebih sebanyak RM18.1 bilion (6.9% dari KNK) dalam tahun 1998, manakala lebih sumber sektor awam pula berkurangan kepada RM2 bilion (0.8% dari KNK) dalam tahun 1998 daripada RM19.3 bilion (7.4% dari KNK) dalam tahun 1997.

Perkembangan Kewangan

Perkembangan bekalan kewangan ketara lebih perlahan dalam lapan bulan pertama 1998, mencerminkan kesan penguncupan dalam aktiviti ekonomi. Pertumbuhan **agregat wang secara luas**, M3, telah perlahan dengan ketara daripada pertumbuhan tahunan sebanyak 18.5% pada akhir tahun 1997 kepada 4.3% pada akhir bulan Ogos 1998. Pertumbuhan perlahan dalam penawaran wang adalah berikutan pengurangan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta dalam suasana perniagaan yang lemah, kadar faedah yang tinggi serta dasar peminjaman institusi perbankan yang bersifat berhati-hati. Jumlah pinjaman yang diberi oleh sistem perbankan hanya meningkat sebanyak 0.2% atau RM1 bilion daripada RM421 bilion pada akhir tahun 1997, kepada RM422 bilion pada akhir bulan Ogos 1998. Sebaliknya, simpanan dengan sistem perbankan telah merosot dengan kadar yang lebih pantas iaitu pada kadar 2.5% atau RM10.7 bilion dalam lapan bulan pertama tahun 1998 berbanding dengan peningkatan sebanyak 13.5% atau RM48.4 bilion bagi tempoh yang sama tahun 1997. Ini mengakibatkan nisbah pinjaman-simpanan sistem perbankan bertambah kepada 95.2% pada akhir bulan Ogos 1998 (1997 : 92.7%). Walaupun nisbah ini menunjukkan pengetatan dalam kedudukan mudahtunai sistem perbankan secara keseluruhannya untuk tempoh tersebut, namun pengetatan kedudukan mudahtunai ini adalah akibat masalah mudahtunai yang dihadapi oleh beberapa institusi perbankan.

Kedudukan mudahtunai yang ketat ini telah menyebabkan **kadar faedah** yang lebih tinggi. Kadar faedah purata 3-bulan antara bank telah meningkat daripada 8.60% pada akhir tahun 1997 kepada 9.8%-11.0% pada akhir suku pertama tahun 1998, sebelum memuncak pada tahap 11.07% pada akhir bulan Jun 1998. Berikutan itu, kadar pinjaman asas (*Base Lending Rate*-BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing telah meningkat kepada 12.27% dan 14.70% pada akhir bulan Jun 1998, daripada

Carta 1.2
Jurang Tabungan - Pelaburan



10.33% dan 12.22% pada akhir tahun 1997. Oleh kerana regim kadar faedah tinggi serta peminjaman bank yang telah perlahan dengan ketara boleh menyebabkan penguncupan lagi aktiviti ekonomi seperti apa yang telah berlaku pada separuh pertama tahun 1998, maka beberapa langkah telah dilaksanakan kemudiannya untuk meningkatkan mudahtunai dan seterusnya keupayaan sistem perbankan untuk memberi pinjaman serta mengurangkan kadar faedah. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Antara langkah-langkah tersebut ialah pengurangan lagi Nisbah Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirements-SRR*), yang telah dikurangkan daripada 13.5% kepada 10.0% pada 16 Februari 1998. SRR seterusnya dikurangkan lagi kepada 8% pada 1 Julai 1998 dan, kemudiannya, kepada 6% pada 1 September dan 4% pada 16 September 1998. Tujuan pengurangan SRR ialah untuk memperbaiki pengagihan mudahtunai antara institusi-institusi perbankan,

dan dengan ini mengurangkan kos dana. Tambahan pula, BNM telah menyemak semula perbezaan harian yang dibenarkan dalam baki purata yang diperlukan untuk memenuhi SRR iaitu daripada $\pm 0.5\%$ kepada $\pm 2\%$ untuk meningkatkan fleksibiliti dalam menguruskan operasi mudahtunai harian. Keperluan nisbah aset mudahtunai bank perdagangan turut dikurangkan, iaitu daripada 17% kepada 15% daripada jumlah tanggungan yang layak, sementara bagi syarikat kewangan dan bank saudagar, ianya dikekalkan pada tahap 10% (12.5% bagi institusi yang tidak mengeluarkan instrumen deposit boleh niaga). Tujuannya ialah untuk mengurangkan lagi kos pegangan aset mudahtunai yang dipegang oleh institusi perbankan.

Sejajar dengan itu, kadar campur tangan antara bank 3-bulan Bank Negara Malaysia (BNM) telah dikurangkan daripada 11.0% kepada 10.5% dan kemudiannya 10.0% pada awal bulan Ogos, 9.5% pada 28 Ogos, 8.0% pada 3 September 1998 dan seterusnya kepada 7.5% pada 5 Oktober. Bermula pada 1 September, institusi perbankan diarah untuk mengira BLR berdasarkan kadar campur tangan BNM dan bukannya berdasarkan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), sebagai satu langkah untuk memastikan kos dana dapat dikurangkan lagi. Seterusnya, margin pentadbiran institusi kewangan yang dibenarkan dalam pengiraan BLR telah dikurangkan daripada 2.5% kepada 2.25%, sementara margin maksimum melebihi BLR yang dibenarkan telah dikurangkan daripada 4% kepada 2.5%. Dengan langkah-langkah yang diambil ini, BLR bank perdagangan telah berkurangan daripada tahap tertinggi sebanyak 12.27% pada akhir bulan Jun 1998 kepada kadar maksimum 8.92% pada akhir bulan September dan dijangkakan akan berkurangan lagi kepada 8.50% menjelang akhir Oktober, iaitu menurunkan kadar kepada tahap yang lebih rendah daripada sebelum tercetusnya krisis kewangan serantau (akhir bulan Jun 1997: 8.93%).

Pasaran Pertukaran Asing dan Saham

Di pasaran kadar pertukaran asing, pergerakan ringgit pada lapan bulan pertama tahun 1998 secara umumnya adalah tidak menentu. Walau bagaimanapun, berikutan pengenalan kawalan modal secara terpilih pada 1 September 1998 untuk membendung ekonomi daripada kesan

penuluran krisis kewangan global, nilai ringgit telah ditetapkan pada kadar RM1=AS\$0.2632 pada 2 September 1998.

Pada permulaan tahun 1998, ringgit dan lain-lain matawang serantau menghadapi tekanan jualan yang ketara akibat daripada perkembangan-perkembangan di Korea Selatan, Jepun dan Indonesia beserta dengan tanggapan pasaran bahawa China dan Hong Kong SAR mungkin juga akan menurunkan nilai matawang bagi mengekalkan daya saing eksport mereka. Dana spekulatif telah mengambil kesempatan perkembangan ini untuk memanipulasi pasaran saham dan pasaran pertukaran asing bagi mengaut keuntungan jangka pendek. Akibatnya, nilai ringgit telah menyusut berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS\$) kepada paras yang paling rendah, iaitu RM1=AS\$0.2049 pada 7 Januari 1998. Namun demikian, berikutan dengan pengumuman kedudukan perdagangan luar Malaysia yang lebih baik dan pengenalan langkah-langkah bagi menstabilkan pasaran oleh Kerajaan, serta perkembangan positif berkaitan dengan penyelesaian masalah hutang korporat di Korea Selatan dan Indonesia, nilai ringgit telah pulih dan ditutup pada RM1=AS\$0.2745 pada akhir bulan Mac. Ini adalah 6.7% lebih tinggi berbanding dengan kadar pada akhir tahun 1997 (RM1=AS\$0.2572). Berbanding dengan komposit matawang-matawang utama, nilai ringgit meningkat sebanyak 6.4% pada akhir bulan Mac 1998 berbanding dengan akhir tahun 1997.

Walau bagaimanapun, pada akhir bulan Jun 1998, nilai ringgit susut dan ditutup pada RM1=AS\$0.2395, iaitu penyusutan sebanyak 12.7% berbanding dengan kadarnya pada akhir bulan Mac. Penyusutan ini adalah diakibatkan oleh kesan penuluran perkembangan-perkembangan luar, khususnya pergolakan politik di Indonesia dan kelemahan matawang yen dan ekonomi Jepun serta masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Jepun dalam menyelesaikan krisis sistem perbankannya secara berkesan. Akibat kesan kelemahan yen Jepun secara berterusan ke atas matawang-matawang serantau, nilai ringgit mencecah paras terendah 'intra-day' RM1=AS\$0.2312 pada 10 Julai, tetapi ianya pulih secara sederhana selaras dengan pergerakan yen Jepun kepada RM1=AS\$0.2369 pada akhir bulan Ogos 1998. Pada 1 September 1998, nilai ringgit meningkat kepada RM1=AS\$0.2618 berikutan pengenalan langkah-langkah terpilih kawalan modal

bagi membendung spekulasi ke atas nilai ringgit dan meminimumkan kesan jangka pendek aliran modal ke atas ekonomi tempatan. Pada hari berikutnya, nilai ringgit telah mengukuh pada RM1=AS\$0.2632. Justeru, kadar pertukaran ringgit telah ditetapkan pada RM1=AS\$0.2632 yang berkuatkuasa mulai 2 September 1998.

Seperti di pasaran kadar pertukaran asing, harga saham pasaran yang diniagakan di **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) secara keseluruhannya turut terjejas dengan kesan penuluran krisis kewangan serantau dan global. Malahan perkembangan dalam negeri dan serantau yang mempengaruhi pergerakan nilai ringgit pada lapan bulan pertama tahun 1998 turut membawa kesan ke atas pergerakan Indek Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Perkembangan-perkembangan ini termasuk masalah hutang korporat di Korea Selatan pada awal tahun ini, krisis politik di Indonesia pada suku kedua, kelemahan sektor perbankan dan ekonomi Jepun, penyusutan yen Jepun berbanding dengan AS\$, dan kebimbangan mengenai China dan Hong Kong SAR akan menilai semua matawang mereka bagi mempertahankan daya saing ekport. Pergerakan indек-индек Dow Jones dan Nikkei turut mempengaruhi KLCI. Akibat daripada perkembangan-perkembangan dan tekanan ke atas pasaran kadar pertukaran asing dalam tempoh ini, KLCI bergerak dengan tidak menentu daripada 594.44 mata pada akhir tahun 1997 kepada 719.52 mata pada akhir bulan Mac 1998. Walau bagaimanapun, KLCI jatuh kepada tahap 261.33 mata iaitu paras terendah dalam tempoh 11 tahun pada 1 September 1998. Ini berikutan kejatuhan mendadak indек Dow Jones dan Nikkei. Walau bagaimanapun, dengan pengenalan langkah-langkah oleh BSKL untuk mempertingkatkan ketelusan urusan niaga pasaran sekuriti Malaysia serta pengenalan kawalan modal terpilih pada 1 September 1998 dan penetapan nilai ringgit pada RM1=AS\$0.2632, KLCI pulih dengan ketara untuk ditutup pada 389.08 mata pada 15 September 1998. Namun begitu, jika dibandingkan dengan indек pada permulaan krisis kewangan pada akhir bulan Jun 1997, kejatuhan KLCI masih besar, iaitu 63.9%, daripada 1,077.30 mata kepada 389.08 mata. Dari segi kerugian permodalan pasaran, kejatuhannya adalah sebanyak 65.7%, iaitu daripada RM744 bilion kepada RM255 bilion dalam tempoh yang sama. Kerugian permodalan pasaran adalah sebanyak RM489 bilion atau 186% daripada KNK tahun 1998, iaitu hampir 2 tahun pendapatan negara.

Kadar inflasi adalah lebih tinggi dalam tahun 1998. Ini mencerminkan kesan ketara penyusutan nilai ringgit ke atas harga barangan import makanan serta barangan keluaran tempatan yang boleh dieksport seperti minyak sawit. Ini ditunjukkan oleh peningkatan sebanyak 5.2% dalam **Indeks Harga Pengguna (IHP)** dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan peningkatan sebanyak 2.6% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Punca utama peningkatan kadar inflasi yang lebih tinggi ini ialah peningkatan 8.9% bagi barangan makanan. Tanpa komponen makanan, IHP meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.1% dalam tempoh sembilan bulan pertama 1998 (Januari-September 1997 : 1.7%). Secara bulanan, kadar peningkatan tahunan bagi keseluruhan IHP telah berkurangan, daripada paras tertinggi 6.2% pada bulan Jun kepada 5.5% pada bulan September, menggambarkan tiada kesan tekanan permintaan dalam negeri. Dengan nilai ringgit ditetapkan pada RM1=AS\$0.2632 bagi tempoh empat bulan terakhir tahun 1998 dan permintaan dalam negeri dijangka hanya pulih sederhana dalam tempoh suku keempat tahun ini, kadar inflasi dijangka terus berkurangan. Sehubungan itu, bagi keseluruhan tahun 1998, inflasi dijangka meningkat pada paras 5% (1997 : 2.7%).

Indeks Harga Rumah Kediaman Negara, yang mencerminkan harga jual beli rumah kediaman, merosot sebanyak 9.3% dalam separuh pertama 1998 apabila dibandingkan dengan indeks pada tempoh separuh kedua 1997. Dari segi jenis rumah, pengurangan harga paling ketara dicatatkan oleh jenis rumah sesebuah (-10.2%), diikuti oleh rumah berkembar (-6.7%), rumah kediaman bertingkat tinggi (-5.6%) dan rumah teres (-5.1%). Kemerosotan harga yang lebih besar bagi kediaman mewah adalah sebahagiannya disebabkan oleh kesulitan untuk mendapatkan sumber pembiayaan serta keengganan pembeli untuk membuat pembelian kerana beranggapan harga hartanah akan terus merosot. Mengikut kawasan, kemerosotan ketara dalam indeks harga rumah kediaman dicatatkan di Johor Bahru (-21.7%), diikuti oleh Pulau Pinang (-12.5%), Lembah Klang (-12.1%), Seremban-Sepang (-5.0%) dan Ipoh-Kinta (-4.1%).

Penguncupan ekonomi benar telah menjejaskan kadar pengwujudan peluang pekerjaan dan menyebabkan kadar pengangguran meningkat. Jumlah gunatenaga dianggarkan merosot sebanyak 2.7% kepada 8.563 juta pada tahun 1998 (1997: 4.6%). Kadar pengwujudan pekerjaan yang lebih perlahan juga dicerminkan oleh jumlah tambahan bersih bilangan pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merosot sebanyak 17.5% kepada 154,029 pencarum dalam tempoh lapan bulan pertama 1998, berbanding 186,805 tambahan bersih bilangan pencarum dalam tempoh yang sama tahun 1997. Dengan bilangan tenaga buruh yang dijangka merosot sebanyak 0.4% kepada 9.01 juta pada akhir 1998 berikutan bilangan pekerja asing yang lebih kecil, kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 4.9% daripada tenaga buruh atau 443,200 pekerja (1997 : 2.6%). Sehingga 5 September 1998, seramai 59,970 pekerja telah diberhentikan. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding 18,863 pekerja yang diberhentikan kerja bagi tahun 1997. Daripada jumlah yang diberhentikan kerja, 88.1% adalah pekerja tempatan, manakala bakinya 11.9% adalah pekerja asing.

Meskipun berlakunya pemberhentian pekerja, sektor perladangan serta beberapa sektor kecil sektor pembuatan dan perkhidmatan terus mengalami kekurangan pekerja. Perkara ini timbul, sebahagiannya, disebabkan wujud ketidaksepadanan kemahiran serta pencari-pencari pekerja tidak sanggup untuk mengisi jawatan kosong atas berbagai sebab termasuk memilih pekerjaan. Sebagai contoh, jumlah jawatan yang tidak diisi yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat masih tinggi, iaitu 46,202 jawatan pada akhir Julai 1998 berbanding dengan 64,463 jawatan kosong yang dilaporkan pada akhir 1997. Bagi mengurangkan jawatan yang tidak diisi akibat ketidaksepadanan kemahiran, Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan kemudahan latihan bagi pencari kerja dengan tujuan meningkatkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan.

Mencerminkan keadaan pasaran buruh yang lebih lega, purata upah bulanan bagi semua kategori pekerja dalam sektor pembuatan meningkat pada kadar lebih perlahan, iaitu 6.4% kepada RM1,280 sebulan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997 :

+11.1% kepada RM1,203). Akibat pemotongan pengeluaran sektor perkilangan berikutan pesanan jualan yang rendah, keluaran setiap pekerja dalam sektor pembuatan merosot sebanyak 2.9% dalam tempoh yang sama. Nilai jualan setiap pekerja, yang digunakan sebagai petunjuk produktiviti buruh, telah meningkat sebanyak 14.6% kepada RM20,130 sebulan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997 : +3.6% kepada RM17,570 sebulan), disebabkan harga jualan yang lebih tinggi bagi barangan keluaran pembuatan yang dipasarkan di peringkat antarabangsa susulan susutan nilai ringgit. Akibatnya, kos buruh bagi setiap RM100 jualan berkurangan kepada RM6.36 bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, daripada RM6.35 dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Prospek Bagi Tahun 1999

Prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 1999 bergantung kepada dua perkembangan utama. Pertama, ia bergantung kepada kederasan dan sejauh mana pelaksanaan langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah diumumkan bagi mencergaskan semula ekonomi negara. Langkah-langkah ini termasuk dorongan fiskal, penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. untuk membeli hutang tidak berbayar sistem perbankan, penubuhan Danamodal Nasional Bhd. - jentera khas bertujuan memodalkan semula sistem perbankan, dan juga lain-lain cadangan yang diketengahkan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara. Pelaksanaan awal langkah-langkah ini akan membantu merangsangkan ekonomi. Dalam perkara ini, agensi yang terlibat dalam melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara perlu melaporkan setiap dua minggu kepada Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara berkaitan kemajuan yang telah dicapai dalam melaksanakan pelan tersebut. Dalam melaksanakan sebahagian langkah-langkah tersebut, kejayaan menggembelng pembiayaan yang diperlukan pada kos yang berpatutan perlu di adakan terlebih dahulu. Ini memerlukan masa untuk melakukannya. Walau bagaimanapun, dasar kewangan yang telah dilonggarkan terutama melalui penurunan SRR baru-baru ini telah menambah mudah-tunai ke dalam sistem ekonomi dan membolehkan kadar faedah diturunkan. Disamping itu, pengenalan kawalan modal telah membolehkan ringgit luar pesisir kembali ke dalam sistem perbankan negara. Langkah-langkah ini bersama-sama dengan

pelonggaran garis panduan pembelian kredit dijangka akan membantu mendorong pemulihan dalam perbelanjaan dalam negara pada tahun 1999.

Kedua, prospek ekonomi Malaysia pada tahun 1999 juga bergantung kepada sejauh mana pemulihan permintaan luar negeri bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia. Walau bagaimanapun, permintaan luar negeri kelihatan akan terus lemah, sungguhpun sedikit pemulihan dijangkakan. Ini sebahagiannya disebabkan jangkaan tiada pertumbuhan atau sedikit pemulihan dalam KDNK benar rakan dagangan Malaysia, terutama Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain negara Asia Timur. Jangkaan ini adalah memandangkan pergolakan pasaran kewangan global mungkin mengambil masa untuk pulih. Oleh itu, ekonomi global dan perdagangan dunia akan terus terjejas oleh kesan deflasi krisis kewangan global. Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF), dalam laporan terkininya *World Economic Outlook* menjangkakan pertumbuhan keluaran dunia pulih sedikit pada kadar 2.5% pada tahun 1999 (1998: 2%), manakala perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 4.6% pada tahun 1999 (1998: 3.7%). Bagaimanapun, pertumbuhan keluaran daripada ekonomi-ekonomi maju, yang merupakan rakan dagangan utama Malaysia dijangka berkurangan pada kadar 1.9% (1998: 2%). Terdapat risiko ramalan yang dibuat oleh IMF mungkin tidak tercapai, sekiranya krisis kewangan sekarang berlanjutan atau menjadi bertambah buruk, terutama sekiranya masyarakat antarabangsa kurang bersedia untuk mengambil usaha bersama bagi menangani krisis kewangan semasa secara berkesan.

Dalam pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu dan kemungkinan pertumbuhan rakan dagangan utama Malaysia terus lembap, adalah dijangkakan ekonomi Malaysia mungkin pulih sedikit sahaja dalam tahun 1999. Oleh yang demikian, **pertumbuhan sebenar KDNK** dijangka meningkat sebanyak 1% dalam tahun 1999. Sumber utama pertumbuhan dijangka dijanakan melalui permintaan dalam negeri, didorong oleh langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini bagi memulihkan ekonomi. Sektor luar negeri dijangka mendatangkan kesan pengembangan bersih yang lebih rendah ke atas KDNK benar dan pertumbuhan KNK nominal, memandangkan lebihan dalam kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran dijangka

berkurangan. Walaupun eksport dijangka bertambah baik sedikit, import dijangka meningkat pada kadar lebih kukuh sejajar dengan pemulihan permintaan dalam negeri dan keperluan untuk menambahkan stok.

Dengan adanya pemulihan dalam keseluruhan permintaan agregat, pengeluaran semua sektor dalam ekonomi, kecuali sektor pembinaan, dijangka mencatatkan pertumbuhan. Memandangkan wujudnya pemulihan sederhana permintaan dalam negeri, inflasi dijangka lebih rendah dalam tahun 1999, terutamanya jika nilai ringgit terus dikekalkan pada paras RM1=AS\$0.2632. Kedua-dua harga eksport dan import mungkin berkurangan sedikit pada tahun 1999. Dengan harga yang lebih rendah, **Keluaran Negara Kasar pada harga semasa** dijangka meningkat sebanyak 0.7% sahaja kepada RM264 bilion. **KNK per kapita** pula dijangka merosot sebanyak 1.6% kepada RM11,626 dalam tahun 1999 (1998 : RM11,817). Walau bagaimanapun, dalam dolar AS, KNK per kapita dijangka meningkat sebanyak 1.5% kepada AS\$3,059 (1998 : AS\$3,013), dalam keadaan ringgit yang lebih kukuh.

Pengeluaran Mengikut Sektor

Dengan adanya sedikit pemulihan permintaan dalam negeri dan pesanan jualan luar negeri dari rakan-rakan dagangan utama Malaysia ketika keadaan persaingan pasaran antarabangsa terus sengit, pengeluaran **sektor perkilangan** dijangka hanya meningkat 1.0% pada tahun 1999 (1998 : -5.8%). Ini sebahagian besarnya disebabkan peningkatan semula dalam pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri sebanyak 1.3% (1998 : -8.8%). Industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang dijangka meningkatkan pengeluarannya ialah industri-industri keluaran plastik, kimia, penapis petroleum dan makanan dan minuman. Begitu juga dengan industri-industri yang menghasilkan barangan tahan lama pengguna seperti kereta penumpang selaras dengan syarat kredit yang longgar. Malahan, sebahagian daripada peningkatan pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri ini dilakukan untuk pasaran luar negeri berikutan usaha menggalakkan jualan di pasaran antarabangsa sejak kebelakangan ini. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran eksport dijangka meningkat sedikit pada kadar 0.8% pada tahun 1999 (1998 : -2.9%).

Pertumbuhan pengeluaran ini didorong oleh peningkatan keluaran separa konduktor hasil daripada pemulihan dalam permintaan dunia. Industri-industri berorientasikan pasaran eksport lain yang mungkin mencatat pengeluaran yang lebih tinggi berikutan permintaan luar negeri yang mapan ialah industri keluaran berasaskan getah dan tekstil. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri berasaskan kayu akan terus merosot disebabkan oleh jangkaan lebih penawaran dalam pasaran dunia memandangkan permintaannya yang lemah, khususnya dari Jepun.

Nilai ditambah dalam **sektor pembinaan** dijangka terus merosot sebanyak 8% dalam tahun 1999. Ini disebabkan aktiviti pembinaan yang lembap dalam beberapa segmen pasaran hartanah terutamanya bangunan komersial dan kondominium harga tinggi, kerana lebih penawaran ruang pejabat, ruang runcit dan juga kondominium harga tinggi tidak dijangka dibeli sepenuhnya dalam tahun 1999. Kadar penginapan di bilik-bilik hotel yang dijangka rendah berikutan peningkatan penawaran baru-baru ini sebahagiannya untuk memenuhi keperluan sukan Komanwel juga diramalkan tidak menggalakkan pembinaan hotel tambahan. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan hartanah kediaman terutamanya rumah kos rendah dan sederhana dijangka stabil, memandangkan kelonggaran pinjaman oleh sistem perbankan baru-baru ini bagi pembelian dan pembinaan hartanah. Kadar faedah pinjaman yang lebih rendah dijangka akan juga menggiatkan industri pembinaan rumah kediaman, terutamanya yang berharga rendah. Walau bagaimanapun, memandangkan kemungkinan merosotnya pendapatan bolehguna dan juga ketidaktentuan prospek pekerjaan berikutan jangkaan ekonomi akan hanya pulih sedikit, permintaan bagi harta kediaman dijangka kekal pada paras tahun 1998. Ini sebahagiannya adalah berasaskan jangkaan bahawa pembelian hartanah secara spekulatif akan berada pada tahap minimum disebabkan harga rumah menurun baru-baru ini.

Aktiviti pembinaan berkaitan dengan kerja awam dan juga projek-projek prasarana akan menerima dorongan fiskal yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, yang mana termasuk penubuhan Dana Pembangunan Prasarana. Pembinaan yang dirancang dalam tahun 1999 adalah termasuk pelaksanaan projek-projek kecil prasarana seperti jalan, jambatan, keretapi dan sistem peparitan dan juga penyambungan projek-projek prasarana besar seperti Sistem Transit Aliran Ringan, KL Sentral, Sistem Monorail Kuala Lumpur,

pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Kuantan, sistem pementungan, kerja-kerja bekalan air dan juga beberapa projek lebuhraya.

Keluaran **sektor pertanian** dalam tahun 1999 dijangka meningkat sebanyak 3.9% (1998: -5.9%), memandangkan hasil minyak kelapa sawit dianggarkan bertambah baik sebanyak 7% selepas mengalami kuncupan sebanyak 8% dalam tahun 1998 disebabkan oleh lawas pokok. Keluaran koko pula dijangka pulih, dengan peningkatan sebanyak 10%. Sebaliknya, keluaran getah dijangka terus merosot sebanyak 1.1%, sebahagian besarnya disebabkan oleh penukaran tanah getah kepada kelapa sawit yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih baik. Bagi kayu balak, keluaran dalam tahun 1999 dijangka menguncup sebanyak 4.5% bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara mapan, terutama apabila harga komoditi tersebut dijangka lemah.

Keluaran **sektor perlombongan** turut dijangka pulih dalam tahun 1999, dengan pertumbuhan sebanyak 1.3% (1998: -0.8%), didorong oleh peningkatan pengeluaran gas sebanyak 7.5%. Pengeluaran petroleum mentah juga dijangka meningkat tetapi dengan margin yang kecil, iaitu sebanyak 0.6% kepada 722,500 tong sehari. Disebabkan sumber bertambah kurang, pengeluaran timah, yang dianggarkan meningkat sebanyak 6.7% dalam tahun 1998, dijangka merosot sebanyak 1.9%. Keluaran kuari juga akan merosot secara sederhana, berikutan jangkaan aktiviti sektor pembinaan akan terus lembap pada tahun 1999.

Nilai ditambah dalam **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat sedikit kepada 2.7% dalam tahun 1999 (1998: 2.1%) berikutan permintaan dalam negeri bagi perkhidmatan yang beransur-ansur kukuh hasil dari kelonggaran dasar kewangan dan dorongan fiskal. Industri perkhidmatan yang dijangka mencatatkan peningkatan kadar melebihi purata dalam nilai ditambah ialah sektor-kecil elektrik, gas dan air (7.2%), kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (4.2%) dan sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (3%). Lain-lain sektor-kecil seperti perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang rendah, ekoran permintaan bagi perkhidmatan tersebut terjejas oleh kejatuhan pendapatan per kapita penduduk.

Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan dalam stok) dalam tahun 1999 dijangka beralih mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.9% pada harga semasa kepada RM249.8 bilion, iaitu setelah mencatatkan penguncupan sebanyak 11.7% dalam tahun 1998. Peningkatan permintaan dalam negeri ini mencerminkan terutamanya kesan positif langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mendorong aktiviti ekonomi dalam negeri. Langkah-langkah ini termasuk melonggarkan dasar kewangan, menyediakan dorongan fiskal dan menangani masalah pinjaman tidak berbayar serta keperluan modal sistem perbankan.

Setelah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 15.5% dalam tahun 1998, **perbelanjaan sektor swasta** dijangka meningkat secara sederhana sebanyak 3.7% kepada RM184.1 bilion dalam tahun 1999. Faktor-faktor utama yang akan membantu menggalakkan perbelanjaan sektor swasta adalah kadar faedah yang lebih rendah, pinjaman bank yang lebih mudah serta pemulihan kekayaan kewangan sekiranya harga saham pulih berikutan langkah-langkah yang telah diperkenalkan pada bulan September 1998 bagi meningkatkan ketelusan BSKL. **Penggunaan swasta** dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 3.7% pada harga semasa dalam tahun 1999 (1998: -5%), mencerminkan kesan pertumbuhan penduduk biasa, kadar faedah pinjaman hartanah yang rendah dan pelonggaran garis panduan pinjaman bagi pembelian kereta penumpang. Di samping itu, ia juga mencerminkan corak perbelanjaan penggunaan sektor swasta yang lebih terkawal berikutan ketidakpastian terhadap prospek pekerjaan serta pendapatan. **Perbelanjaan modal swasta** juga dijangka pulih dengan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.7% dalam tahun 1999, setelah dianggarkan menyusut sebanyak 30.5% dalam tahun 1998. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang akan menarik peningkatan pelaburan sektor swasta dalam tahun 1999 adalah seperti projek-projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 1998, projek-projek prasarana yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan sebagai sebahagian daripada usaha memulihkan ekonomi negara, pembinaan rumah berkos rendah dan sederhana yang mana permintaannya masih baik serta sektor pertanian khususnya kelapa sawit.

Perbelanjaan sektor awam dirancang meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.4% kepada RM65.8 bilion dalam tahun 1999 (1998: 0.8%). Ini mencerminkan terutamanya peningkatan **perbelanjaan modal sektor awam** sebanyak 6.1% yang dikaitkan dengan sasaran dorongan fiskal bagi tahun ini. Peningkatan pembentukan modal tetap sektor awam kepada RM33.5 bilion akan disokong oleh peningkatan 30% pelaburan Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM9.5 bilion atau 28.4% daripada pelaburan sektor awam. Perbelanjaan modal ini termasuk pembinaan jalan raya, jambatan serta kemudahan-kemudahan pertanian luar bandar, kesihatan dan pendidikan. Namun demikian, peningkatan perbelanjaan modal oleh kerajaan-kerajaan negeri dan tempatan serta badan-badan berkanun dijangka meningkat secara purata sebanyak hanya 2% dalam tahun 1999. Perbelanjaan modal PABK pula dijangkakan berkurangan sebanyak 2.3% kepada RM17.3 bilion (51.7% daripada perbelanjaan modal sektor awam), iaitu setelah meningkat sebanyak 6.7% dalam tahun 1998.

Perbelanjaan penggunaan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 2.8% dalam tahun 1999, iaitu melebihi sedikit peningkatan 2.3% yang dijangka bagi tahun 1998. Peningkatan ini adalah bagi memenuhi bayaran emolumen perkhidmatan awam yang lebih tinggi, khasnya bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti kesihatan dan pendidikan serta bagi bekalan dan perkhidmatan tambahan yang diperlukan oleh sektor awam, khususnya Kerajaan Persekutuan.

Permintaan Luar Negeri

Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat dengan lebih perlahan dalam nilai ringgit sebanyak 0.8% kepada RM333.2 bilion pada tahun 1999 (1998: 26.5%). Pertumbuhan eksport yang semakin perlahan ini disebabkan terutamanya oleh harga eksport yang rendah disebabkan nilai ringgit meningkat berikutan kadar pertukaran ringgit ditetapkan pada kadar $RM1=AS\$0.2632$. Selain itu, pertumbuhan eksport yang perlahan ini juga disebabkan oleh pemulihan jumlah eksport yang sederhana berikutan permintaan daripada rakan-rakan dagangan utama Malaysia dijangka terus lemah. **Eksport dagangan** dijangka meningkat sebanyak 0.4% kepada RM281.3 bilion pada tahun 1999 (1998: 28.1%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport

komoditi pertanian sebanyak 6.2%, khususnya minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit dan koko. Eksport barangan perkilangan pula dijangka meningkat sebanyak 1% kepada RM231.4 bilion, di mana 67% daripadanya terdiri daripada keluaran elektrik, elektronik dan jentera. Walau bagaimanapun, eksport perlombongan dijangka merosot, terutamanya disebabkan oleh pendapatan eksport gas asli cecair yang rendah berikutan harga eksport yang dijangka merosot. Namun begitu, **eksport perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat kepada RM51.9 bilion atau sebanyak 3.5% pada tahun 1999 (1998: 18.1%), berikutan jangkaan pendapatan yang lebih tinggi dari fret dan insurans, pengangkutan udara dan perjalanan.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor juga dijangka meningkat dengan kadar yang jauh lebih perlahan, iaitu sebanyak 3.9% kepada RM300.8 bilion pada tahun 1999 (1998: 12.5%), terutamanya disebabkan oleh harga import yang rendah berikutan peningkatan nilai ringgit serta pemulihan permintaan dalam negeri yang sederhana. **Import dagangan** dijangka meningkat sebanyak 4.4% kepada RM247.9 bilion pada tahun 1999, iaitu pada kadar yang lebih kukuh berbanding dengan pertumbuhan eksport dagangan. Keadaan ini berbeza dengan keadaan pada tahun 1998 di mana eksport dagangan berkembang pada kadar lebih pesat dari import. Ini terutamanya disebabkan kesan daripada dorongan permintaan dalam negeri dan juga pemulihan eksport perkilangan secara sederhana yang dijangka menyebabkan peningkatan jumlah import barangan perantara yang merupakan 67% daripada keseluruhan nilai import. Berikutan harga import yang lebih rendah disebabkan oleh nilai ringgit yang meningkat, **import perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 1.9% kepada RM52.9 bilion. Walaupun nilai import perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat dengan lebih perlahan, bayaran bagi fret dan insurans serta perkhidmatan pengangkutan udara dijangka meningkat lebih besar dari segi nilai.

Memandangkan eksport barangan dan perkhidmatan dijangka melebihi import barangan dan perkhidmatan bukan-faktor sebanyak RM32.4 bilion pada tahun 1999, iaitu lebih rendah berbanding dengan lebihan sebanyak RM41 bilion pada tahun 1998, **sektor luar negeri** dijangka membawa kesan penguncupan bersih ke atas pertumbuhan KDNK pada tahun 1999.

Imbangan Pembayaran

Memandangkan import dagangan dijangka meningkat dengan lebih pesat berbanding dengan eksport dagangan pada tahun 1999, **akaun dagangan** imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil, iaitu sebanyak RM33.4 bilion pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, defisit **akaun perkhidmatan** dijangka berkurangan sedikit kepada RM19.4 bilion, berikutan aliran masuk bersih yang besar bagi perjalanan dan perkhidmatan pengangkutan penumpang udara. Sepertimana tahun-tahun lepas, penyumbang utama defisit akaun perkhidmatan ialah pendapatan pelaburan, termasuk penghantaran keluar keuntungan dan dividen serta bayaran faedah. Pada tahun 1999, aliran keluar bersih pendapatan pelaburan dijangka sebanyak RM16.3 bilion (1998: -RM16.1 bilion). Aliran keluar bayaran pindahan dijangka semakin berkurangan pada tahun 1999, iaitu sebanyak RM3 bilion (1998: -RM3.2 bilion). Ini disebabkan oleh langkah mewajibkan pekerja asing mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Selepas mengambil kira aliran keluar bersih bayaran pindahan, **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil, iaitu RM11 bilion atau 4.2% daripada KNK pada tahun 1999 (1998: RM20 bilion atau 7.7% daripada KNK)

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1999 mencerminkan kesan kutipan hasil yang lebih rendah dan juga keperluan mengurus tahap perbelanjaan dengan mengambil kira: pertama, keperluan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi; kedua, memastikan kedudukan akaun semasa Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya dalam keadaan berimbang; ketiga, sumber pembiayaan dalam dan luar yang dapat diperolehi; keempat, mengelak kesulitan sektor swasta dalam mendapatkan sumber pembiayaan; dan, kelima, memastikan defisit keseluruhan fiskal pada tingkat yang mapan supaya nisbah khidmat hutang luar negara berada dalam tahap yang selesa. Oleh kerana dijangkakan jumlah keperluan perbelanjaan untuk tahun 1999 melebihi sumber kewangan yang boleh digemblengkan, maka hanya projek-projek dan program-program yang mempunyai keutamaan tinggi dari segi kemampuan menggiatkan

pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kecekapan ekonomi akan diberi peruntukan perbelanjaan.

Dalam tahun 1999, **hasil Kerajaan Persekutuan** dirjangka merosot sebanyak 14.3% kepada RM47,160 juta, terutamanya disebabkan penurunan kutipan cukai langsung sebanyak 27.9% kepada RM20,099 juta, akibat pendapatan korporat dan individu yang rendah kesan dari aktiviti ekonomi yang lembap dalam tahun 1998. Oleh kerana aktiviti ekonomi dijangkakan pulih sedikit pada tahun 1999, kutipan cukai tidak langsung dijangkakan meningkat sebanyak 6% kepada RM16,219 juta. **Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan** dibenarkan hanya meningkat sebanyak 1% kepada RM47,042 juta, untuk memastikan kedudukan akaun semasa Kerajaan Persekutuan mencapai sekurang-kurangnya lebihan yang kecil, iaitu RM118 juta dalam tahun 1999.

Selaras dengan jumlah sumber yang boleh digemblengkan tanpa menyulitkan sektor swasta dalam mendapatkan sumber kewangan, dan juga untuk memastikan defisit keseluruhan belanjawan adalah mapan, Kerajaan Persekutuan mencadangkan untuk menghadkan **perbelanjaan pembangunan kasar** kepada RM17,553 juta dalam tahun 1999, iaitu 9.4% lebih rendah jika dibandingkan dengan anggaran sebanyak RM19,378 juta yang diperuntukkan untuk tahun 1998. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan akan disalurkan untuk projek-projek yang dapat membantu memulihkan ekonomi dan meningkatkan kecekapan ekonomi. Ini termasuk pembinaan jalanraya, jambatan dan projek transit-aliran-ringan, meningkatkan kemudahan institut latihan industri dan pendidikan dan juga untuk pembangunan pertanian dan luar bandar. Selepas mengambil kira jangkaan terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,300 juta pada tahun 1999, **perbelanjaan pembangunan bersih** dijangka akan merosot sebanyak 10.1% kepada RM16,253 juta. Kesannya, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit yang besar sebanyak RM16,135 juta atau 6.1% dari KNK, dalam tahun 1999.

Kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan diramalkan mencatat defisit yang besar dalam tahun 1999. Kutipan hasil sektor kerajaan dijangka merosot sebanyak 12.0% kepada RM61,845 juta (1998: RM70,299 juta), terutamanya disebabkan kejatuhan hasil Kerajaan Persekutuan.

Sebaliknya perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 0.2% kepada RM54,596 juta, berbanding dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM54,497 juta pada tahun 1998. Akibatnya, lebih akaun semasa sektor kerajaan dijangka lebih rendah pada RM7,250 juta (1998: RM15,802 juta). Walaubagaimanapun, lebih mengurus PABK dalam tahun 1999 diramalkan meningkat sebanyak 4.4% kepada RM27,250 juta (1998: RM26,094 juta). Oleh itu, akaun semasa sektor awam yang disatukan dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil sebanyak RM34,500 juta (1998: RM41,896 juta). Dengan perbelanjaan pembangunan sektor awam yang dijangka merosot sebanyak 8.2% kepada RM41,042 juta, kedudukan kewangan keseluruhan sektor awam dijangka mencatat defisit yang besar sebanyak RM6,543 juta atau 2.5% dari KNK (1998: -RM2,798 juta atau 1.1% dari KNK).

Kedudukan Sumber Negara

Dengan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan negara dijangka mengatasi pertumbuhan KNK dalam nilai nominal, **tabungan negara kasar** diramalkan menyusut sebanyak 2.7% kepada RM106.8 bilion (40.5% dari KNK) dalam tahun 1999. Daripada jumlah keseluruhan tabungan negara kasar ini, 69.2% dijangka dijana oleh sektor swasta dan bakinya 30.8% oleh sektor awam. Sementara itu, pertumbuhan perbelanjaan pelaburan pula dijangka meningkat sebanyak 6.7% kepada RM95.8 bilion (36.3% dari KNK) dalam tahun 1999. Oleh demikian, tabungan negara akan melebihi pelaburan negara sebanyak RM11 bilion atau 4.2% dari KNK dalam tahun 1999. Ini adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan lebihan tabungan-pelaburan kira-kira RM20 bilion (7.7% dari KNK) yang dicatatkan dalam tahun 1998. Tabungan sektor swasta dalam tahun 1999 dijangka melebihi pelaburannya sebanyak RM11.7 bilion atau 4.4% dari KNK (1998: 6.9% dari KNK), manakala tabungan sektor awam pula dijangka lebih kecil daripada pelaburannya sebanyak RM0.6 bilion atau 0.2% dari KNK (1998: 0.8% dari KNK).

Inflasi

Inflasi dijangka lebih rendah dalam lingkungan 3.5% pada tahun 1999 jika ringgit terus dikekalkan

pada RM1=AS\$0.2632. Pada kadar pertukaran ini, harga import dijangka akan jatuh sedikit. Oleh demikian, inflasi yang diimport dijangka tidak merupakan isu utama. Walaupun permintaan dalam negeri dijangka pulih secara sederhana dalam tahun 1999, masih terdapat lebihan kapasiti pengeluaran yang boleh digunakan untuk menjana pengeluaran tambahan bagi memenuhi peningkatan permintaan. Dengan demikian, tekanan inflasi kerana kekurangan penawaran atau tekanan permintaan dijangka tidak berlaku. Memandangkan kadar pengangguran mungkin meningkat dalam tahun 1999, prospek inflasi akibat kenaikan upah juga dijangka tidak akan berlaku. Dengan itu, tekanan inflasi dijangka bukan merupakan satu isu utama yang membimbangkan pada tahun 1999.

Kesimpulan

Krisis kewangan yang telah melanda rantau ini sejak pertengahan tahun 1997 telah mendatangkan kesan yang meruncing ke atas ekonomi Malaysia dalam tahun 1998. Berikutan daripada itu, ekonomi benar telah mengalami penguncupan yang ketara dalam separuh pertama tahun 1998. Kadar penguncupan ini adalah di luar pengalaman negara. Hakisan kekayaan kewangan negara yang berlaku adalah mendalam, sebagaimana dicerminkan oleh kejatuhan yang besar dalam modal pasaran di bursa saham tempatan sejak krisis berlaku. Perkembangan ini telah mendatangkan kesan yang tidak diingini terhadap kesihatan ekonomi dan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat. Bagi menangani keadaan yang sukar ini, langkah-langkah telahpun diambil bagi melindungi ekonomi negara daripada kesan menular krisis kewangan global dan serantau serta mencergaskan semula ekonomi secepat mungkin. Langkah-langkah ini dijangka dapat mendorong pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 1999, khususnya melalui rangsangan permintaan dalam negeri. Sekiranya pasaran kewangan global kembali stabil pada awal tahun 1999 melalui kerjasama masyarakat antarabangsa dalam menamatkan krisis kewangan semasa secepat mungkin, pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan global boleh menjadi lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Ini akan memberi dorongan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1999 melalui permintaan luar negeri yang lebih kukuh.